

**UCAPAN Pengerusi Lembaga Pengiktirafan Asatizah
Ustaz Ali Haji Mohamed**

**Majlis Hari Raya Bersama Mufti Negara Singapura
Temasek Club Singapore, 2 Julai 2019**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا
محمد صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه أجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang saya muliakan Sohibus Samahah Mufti Negara Singapura

Yang saya hormati Timbalan Mufti Negara Singapura

Anggota Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB)

Para Asatizah yang saya kasahi,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

*Sayang selasih daun mengkuang
Burung merpati terbang sejoli
Salam kasih dendam dibuang
Bertaut hati di Idul Fitri*

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah kurnia dan rahmahNya ke atas kita semua. Alhamdulillah kita telah berjaya menyempurnakan ibadah puasa selama sebulan dan sekarang berada di penghujung

bulan Syawal. Saya mendoakan agar segala amalan soleh kita sepanjang Ramadan diterima Allah s.w.t dan diberikan ganjaran yang tiada terhingga. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan – Selamat Hari Raya Minal Aidin wal Faizin Kullum ‘Am Wa Entum Bi Khair. Taqabballahu Minna Wa Minkum.

PERKEMBANGAN TERKINI ARS

Asatizah yang saya hormati,

2. Tahun ini merupakan tahun kedua sambutan Hari Raya Asatizah diadakan bersama-sama Mufti Negara Singapura dan Asatizah mapan Singapura. Tujuan utama pertemuan Hari Raya bersama asatizah adalah untuk mengeratkan ukhuwwah dan merapatkan saf Asatizah setempat. Bak kata pepatah – Bersatu Teguh Bercerai Roboh. Kita ingin para asatizah bersatu-padu dan bersama-sama memperkasa institusi Asatizah dalam usaha kita membangun kehidupan agama yang progresif dan membina masyarakat Islam cermerlang di Singapura.

3. Semenjak ARS menjadi mandatori pada tahun 2017 bilangan asatizah yang telah berdaftar kini seramai 4,549 (merangkumi 2,610 Asatizah dan 1,939 Guru Al-Quran). Pada awal penubuhan ARS pada tahun 2006, hanya sekitar 500-600 asatizah yang terdaftar. Saya dan teman-teman ARB bersyukur melihat perkembangan yang positif dan tren yang menggalakkan ini. Masyarakat kini mempunyai pilihan kepada lebih ramai asatizah yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan yang diiktiraf ARS. Saya percaya dengan bertambahnya bilangan asatizah makan bertambahlah usaha untuk membangun kehidupan dan pemikiran agama yang lebih mendalam dan bermutu, sesuai dengan suasana kehidupan moden Singapura dan dunia kini.

PEMBELAJARAN, PENINGKATAN DIRI SEPANJANG HIDUP: MINAL MAHDI ILAL LAHDI

4. Jika dibandingkan dengan skim-skim pengiktirafan dan pentauliahahan guru-guru agama di luar negara, ARS menitik-beratkan pembangunan diri dan latihan asatizah. Ini merupakan antara ciri terpenting dalam skim ini dengan objektif membangun keupayaan dan memperkasa jatidiri. Seperti yang sedia maklum, asatizah wajib memenuhi 30 jam CPE untuk tempoh 3 tahun pengiktirafan. Pembangunan asatizah adalah teras dan paksi utama ARS agar asatizah sentiasa mempertingkatkan ilmu dan kemahiran diri dan menyusuri perjalanan para Ulama dan Anbiya' – Kita maklum bahawa mereka tidak mewariskan harta, tetapi khazanah ilmu. Dan seandainya kita ingin menjadi pewaris para Anbiya', kita tidak boleh, sebagai asatizah, berasa selesa dengan ilmu yang sedia ada. Semangat menuntut ilmu sepanjang hayat (*minal Mahdi ilal Lahdi*) dan mengaplikasikannya dalam kehidupan dan memperhalusi budi dan etika merupakan sunnah para Anbiya' dan inilah yang ingin kita bina dan bangunkan melalui skim ARS. Namun, keilmuan dan kemahiran sahaja tidak memadai. Asatizah perlu mengaplikasi ilmu sesuai dengan keadaan dan konteks sosio-keagamaan Singapura yang berbilang agama dan budaya.

5. Sejak ARS menjadi sebuah skim wajib pada tahun 2017 sehingga kini, kita telah dapat menyediakan pelbagai bentuk latihan dan program pembangunan asatizah. Kita telah menawarkan 168 program latihan CPE yang merangkumi Pendidikan dan Pemikiran Islam, Kaunselling, Sejarah dan Tamadun Islam, Bioetika dan Fatwa, Perbankan dan Kewangan Islam dan lain-lain lagi. Ini termasuk 16 program wajib berkaitan Kod Etika Asatizah. Secara keseluruhan, lebih 13,911 tempat latihan dan 751 jam latihan CPE telah ditawarkan.

6. Namun, harus saya menzahirkan kerperhatian ARB pada hari ini. Kami masih mendapati seramai 974 Asatizah dan Guru Al-Quran masih lagi belum menghadiri apa-apa program peningkatan dan pembangunan diri. Untuk itu, saya ingin mengambil kesempatan ini pada hari yang mulia di majlis yang mulia ini untuk menyeru para asatizah agar menghadiri program CPE dan latihan yang telah dilakarkan oleh Pejabat ARS dan pihak sekretariat PERGAS.

7. Saya ingin menekankan peri pentingnya kehadiran asatizah dalam program pembangunan dan latihan. Asatizah perlu kekal relevan dan kredible dengan keilmuan yang jitu, kemahiran diri yang tinggi dan nilai peribadi yang mulia agar sentiasa dihormati dan disegani. Selain itu, perlu ditegaskan, asatizah yang tidak memenuhi 30 jam CPE pada akhir tahun 2019, akan menjejaskan proses pengiktirafan-semula ARS mereka.

8. Selain program-program latihan CPE yang telah dilakarkan, pihak ARB/ARSO sedang bergiat melancarkan program latihan dalam talian (*on-line learning*). Usaha ini akan memudahkan para asatizah untuk belajar dan mengikuti kursus-kursus CPE di masa saja mereka berada (*learning-on-the-go*). Sebagai usaha awal, pihak Sekretariat akan melancarkan Seminar Kod Etika (COE) dalam talian. Maklumat lanjut mengenai program ini akan dikongsi bersama dalam masa yang terdekat.

AMANAH ANBIYA', AKHLAK ANBIYA'

9. Selain membangunkan keupayaan diri asatizah dan mempertingkatkan ilmu dan kemahiran, asatizah juga perlu memastikan nilai, jati diri dan akhlaq sebagai guru atau pemimpin agama sentiasa terpelihara dan terjaga. Ilmu dan Akhlak Islami seseorang

ustaz atau ustazah yang membezakannya dan membuatkan dirinya mulia di pandangan Allah dan masyarakat.

10. Jika kita layak dianggap sebagai Warathatul Anbiya' yang menggalas amanah Anbiya' maka akhlaq dan nilai murni para Anbiya' perlu terpancar dalam setiap gerak-geri, tingkah-laku dan kehidupan harian kita. Kita tidak mampu gagal dalam menjalankan amanah suci ini. Kita berkewajipan untuk melaksanakannya dengan penuh dedikasi dan rasa tawaduk sebagai penyambung usaha para Anbiya'. Kita tidak mahu kerana nila setitik rosak susu belanga. Kita tidak juga mahu dan tidak boleh mengizinkan nama baik institusi asatizah dan ulama' Singapura tercalit dek tindakan atau akhlak kurang baik sebahagain kecil kita.

11. Oleh yang demikian saya menyeru para Asatizah semua agar kita bermuhasabah diri setelah kita menjalani tarbiyah Ramadan. Kita wajib memastikan nilai-nilai suci dan tarbiyah Rabbani yang telah kita lalui membumi dalam hati dan diri kita. Mustahil kita dapat mendidik dan mengubah masyarakat jika tidak berjaya dalam mendidik dan mengubah diri kita terlebih dahulu.

PENUTUP

12. Semoga pertemuan Hari Raya ini menjadi batu loncatan untuk kita menguatkan ikatan ukhuwwah dan memperkasa institusi Asatizah, sesuai dengan tema sambutan Hari Raya Asatizah tahun ini – Bersama Memperkasa Institusi Asatizah.

13. Saya juga berharap majlis ini akan memberi suntikan semangat baru untuk kita terus memberi pendidikan, panduan dan nasihat agama yang bermakna lagi sesuai dengan konteks semasa dan berakhlaq dengan akhlaq para Anbiya'. Ini merupakan

amanah suci kita sebagai asatizah Singapura. Kita wajib menjaga amanah ini dengan sebaik mungkin dan mempertahankannya dari anasir-anasir luar yang tidak diinginkan.

14. Akhir kalam, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun sempena lebaran yang mulia ini:

*Luas Serambi Rentaknya Tari
Indah Bahasa Kiasan Madah
Akhlak Nabi Penyeri Diri
Bersama Memperkasa Institusi Asatizah*

Sekian. Terima Kasih.

Wassalam.